

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Mercedes untuk tetamu

26. Jul 2008

Harian Metro

Setempat

336603

2192000

Language

MALAY

Page No

7

Article Size

297 cm²

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue

3818.03



Mercedes untuk tetamu

MB, Exco Terengganu tidak dibenar guna kereta baru

PUTRAJAYA: Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said dan barisan Exconya tidak dibenar menggunakan 14 kereta Mercedes-Benz E200 Kompressor bernilai RM3.43 juta yang baru dibeli kerajaan negeri itu sebagai kenderaan rasmi bagi menggantikan Proton Perdana V6 Executive.

Sebaliknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kereta baru itu hanya boleh digunakan untuk membawa tetamu kehormat negeri berkenaan.

Perdana Menteri berkata, keputusan Kabinet itu dibuat berikutkan jika kereta baru dijual, kerajaan Terengganu terpaksa menanggung kerugian.

"Semalam (kelmarin) saya dan Datuk Seri Najib Razak dalam perjumpaan dengan Menteri Besar Terengganu sudah berbincang perkara ini dan sudah pun menyatakan satu perkara yang penting dan sudah menjadi keputusan Jemaah Menteri iaitu kerajaan Terengganu jangan gunakan kereta Mercedes untuk Exco mereka... itu yang sudah kita putuskan."

"Itu sudah jelas, tetapi dalam hal ini kerana Mercedes itu sudah dibeli, kalau nak jual pun akan kerugian nanti, saya katakan guna Mercedes itu untuk tetamu yang akan datang... itu saja, tak ada lebih tak ada kurang," katanya pada sidang media selepas majlis Anugerah Akademik Negara 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin; dua timbalannya, Datuk Idris Haron dan Datuk Hou Kok Chung,

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr Zulkifli A Hassan dan Ketua Penggarahnya, Datuk Prof Radin Umar Radin Sohadi.

Perdana Menteri ditanya mengenai keputusan Kabinet berhubung isu pembelian Mercedes oleh kerajaan Terengganu untuk kegunaan anggota Exconya bagi menggantikan Proton Perdana V6 Executive yang didakwa memerlukan kos penyelenggaraan tinggi.

Dalam kenyataan sebelum ini, Ahmad berkata, pembelian kereta baru itu dibuat kerana langkah itu lebih menjimatkan bagi jangka masa panjang berikutan Proton Perdana V6 sering mengalami masalah kotak gear dan cakera brek.

Berikut itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) sudah memulakan siasatan berhubung perbelanjaan penyelenggaraan kereta Proton Perdana itu yang dikatakan terlalu tinggi.

Mengenai kenyataan Ahmad supaya BPR turut menyiasat pelaksanaan projek lain seperti Monsun Cup dan Taman Tamadun Islam, Abdullah berkata ia terserah kepada badan itu untuk menentukan.

"Jika BPR dapat ada sebabnya yang perlu ia membuat penyiasatan mengenainya kerana diragui atau disyaki ada unsur rasuah, ter-

serah kepada BPR," katanya. Sementara itu, Anugerah Tokoh Akademik Negara dimenangi Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Emeritus Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal pula dimenangi Prof Dr Onn Hashim dari Universiti Malaya; Anugerah Penerbitan Buku, oleh Prof Madya Dr Nordin Ilussin (Universiti Kebangsaan Malaysia); Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, oleh Prof Madya Dr Syed Omar Syed Rastan (UPM); dan Anugerah Seni dan Kreativiti, oleh Prof Madya Zulkifli Yusoff (Universiti Pendidikan Sultan Idris).

Semua penerima anugerah itu menerima wang tunai, trofi, sijil dan cenderamata.



SELESAI...Ahmad menjawab soalan wartawan berhubung isu pembelian kereta baru.